



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

**BEKALKAN KHASIAT HEBAT BERSAMA MILO®!
Pilihan berkhasiat dalam pek UHT wajah baru**

Petaling Jaya, 15 November 2007 ~ Ibubapa kini mempunyai lebih sebab untuk memilih pek MILO® UHT, minuman coklat malt berkhasiat terkemuka yang sedia untuk diminum, dengan wajah baru yang menarik.

"Nestlé MILO® UHT mengandungi semua kebaikan khasiat MILO® seperti ACTIGEN-E® dan PROTOMALT® dalam pek yang mudah digunakan.

"Kini, kami juga memperkenalkan wajah baru yang lebih menarik dan berunsur pendidikan sepertimana 'Kompas Pemakanan' pada pek tersebut yang memberikan maklumat tentang kandungan MILO® UHT," kata Pengurus Perniagaan Nestlé Liquid Drinks, Encik Ho Hau Chieh, ketika memperkenalkan pek baru tersebut.

Menurut Ho, kanak-kanak memerlukan banyak tenaga dan MILO® UHT yang diperbaharui ini memberikan tenaga semasa waktu rehat atau selepas sekolah untuk kegiatan aktiviti kurikulum tambahan.

"Dengan Nestlé MILO® UHT, ibubapa kini boleh berasa yakin bahawa anak-anak mereka mendapat khasiat yang baik ketika berada di sekolah," tambahnya.

PLEASE CONTACT

NESTLÉ (MALAYSIA) BERHAD

(Company No. 110925-W)

GROUP CORPORATE AFFAIRS DEPARTMENT
NESTLÉ HOUSE, 4 LORONG PESIARAN BARAT, 46200 PETALING JAYA
SELANGOR, MALAYSIA

TEL : 03-7965 6000 FAX : 03-7965 6767

Website : www.nestle.com.my

ACTIGEN-E® adalah kombinasi vitamin dan mineral, iaitu Magnesium, Vitamin B, Vitamin C dan Kalsium untuk membantu pengeluaran tenaga optimal daripada karbohidrat, protein dan lemak dalam makanan anda.

PROTOMALT® merupakan ekstrak malt dengan campuran pelbagai jenis karbohidrat yang memberikan tenaga dan khasiat yang diperlukan oleh badan.

"Ramai beranggapan ini memerlukan kos yang tinggi, tetapi anda mendapat yang terbaik dengan adanya pek UHT ini pada harga yang berpatutan. Dengan ACTIGEN-E® dan PROTOMALT®, ia menjadikan MILO® UHT yang diperbaharui lebih berkhasiat," katanya.

MILO® UHT yang diperbaharui ini juga kurang manis. Ini adalah sejajar dengan usaha Kementerian Kesihatan untuk menggalakkan pengambilan diet yang sihat terutama di kalangan kanak-kanak.

"MILO® UHT yang diperbaharui ini menawarkan rasa coklat yang hebat dengan khasiat dan tenaga yang diperlukan oleh kanak-kanak setiap hari," tambahnya.

MILO® UHT yang diperbaharui ini dijual pada harga runcit RM0.90 setiap unit bagi pek 125ml, RM1.40 setiap unit bagi pek 250ml and RM4.20 bagi pek 1 liter.

MILO® mula diperkenalkan di negara ini pada 1950. Sejak dari mula lagi, ia telah memenangi hati jutaan ibubapa di Malaysia dan kanak-kanak sentiasa dahagakan minuman yang berkhasiat serta lazat ini. Format UHT (diproses pada suhu tinggi) diperkenalkan kemudiannya untuk memenuhi kehendak mereka yang mahukan minuman MILO® pada bila-bila masa.

Seiring dengan pembangunan Malaysia, MILO® berpegang teguh pada komitmennya untuk membantu memenuhi keperluan khasiat dan tenaga kanak-kanak setiap hari. Sejak dahulu, kandungan khasiatnya sentiasa diperbaharui untuk memenuhi keperluan semasa.

Formula terkini ACTIGEN-E®, digabung dengan PROTOMALT®, adalah yang terbaik untuk menjana hari-hari yang penuh aksi untuk kanak-kanak.

– Tamat –

<p>Siaran ini dikeluarkan oleh MING, KH & ASSOCIATES SDN BHD bagi pihak Nestlé MILO® Sila kemukakan sebarang pertanyaan media kepada Nicholas Leong atau KH Lim di tel: 03-2287 6700, fax: 03-2287 6701 atau e-mel: nick@ming-kh.com.my atau khlim@ming-kh.com.my</p>
